



KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR (KOSMA) BERHAD : KOPERASI TERAS PERLADANGAN

Oleh:
Norwatim Abd. Latiff
Mohd Rasydi Abd. Rashid
Ayu Diana Awang
Noor Shafeeza Zainuddin

PENGENALAN

Pahang Darul Makmur ialah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu dengan keluasan 35,515 kilometer persegi. Pada masa ini Pahang adalah negeri di Semenanjung dengan terbahagi kepada sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Manakala penduduknya pula terdiri daripada berbagai kaum dan bangsa.

Industri dan eksport utama Pahang tertumpu kepada pengeluaran kayu-kayan tropika disebabkan adanya hutan yang luas. Walau bagaimanapun, kemerosotan pokok-pokok matang yang diakibatkan oleh penebangan intensif telah menyebabkan keperlantikan dan pengamalan perhutanan boleh kekal.

Namun demikian, disebabkan negerinya yang kaya dengan keluasan hutan, sebuah koperasi telah ditubuhkan pada tahun 1967 yang kegiatan utamanya adalah pembangunan dan perladangan tanaman kelapa sawit.

SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI

Pada awal penubuhannya di bawah “Undang-undang Syarikat Bekerjasama-sama 1948”, koperasi ini telah dikenali sebagai Syarikat Bekerjasama Ladang Kelapa Sawit Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang. Tarikh penubuhannya adalah pada 4 Disember 1967. Koperasi ini ditubuhkan dengan hasrat untuk membantu serta meningkatkan sosio ekonomi kakitangan kerajaan yang berkhidmat di negeri Pahang Darul Makmur.



Pada tahun 1986, koperasi telah menukarkan namanya kepada Koperasi KOSMA Berhad dan kemudiannya KOSMA Berhad sekali lagi telah menukarkan namanya kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) pada 28 Februari 1996. Sebagai permulaan, Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pahang yang bersidang pada 2 November 1966 telah meluluskan satu peruntukan kawasan seluas lebih kurang 55,000 ekar di Mukim Keratong, Daerah Rompin, Negeri Pahang Darul Makmur. Syarat khas yang dikenakan ialah kawasan tersebut hendaklah ditanam dengan kelapa sawit supaya tanah berkenaan dapat dimajukan dan dapat dijual kepada anggota-anggota KOSMA dalam bentuk Pelaburan Unit Ladang.

LATAR BELAKANG KOPERASI

KOSMA merupakan sebuah koperasi yang menjalankan kegiatan pembangunan dan perladangan tanaman kelapa sawit sebagai aktiviti utamanya berbanding kebanyakan koperasi lain yang lebih memfokuskan pada aktiviti per kreditan. Koperasi juga disenaraikan di antara 100 buah koperasi terbaik di dalam Malaysia pada tahun 2010 hingga 2012, ianya sangat sesuai dengan visi koperasi ini iaitu untuk terus berusaha menuju ke arah kecemerlangan dalam pengurusan perladangan kelapa sawit dan menceburi bidang perekonomian serta aktiviti-aktiviti pelaburan lain yang menguntungkan. KOSMA merupakan koperasi yang berwibawa, berdaya maju dan termasyhur di Malaysia. KOSMA akan dimartabatkan di persada dunia dalam era globalisasi.



Ladang KOSMA



Selain terlibat dalam aktiviti perladangan kelapa sawit, KOSMA juga telah melabur dalam bidang perhotelan dengan membuka sebuah hotel kelas bajet di Kuantan. Pelaburan ini dilaksanakan melalui subsidiari penuh milik (100%) KOSMA iaitu KOSMA Tourism Sdn. Bhd. dengan modal yang dibenarkan sebanyak RM 5 juta.



Hotel KOSMA

KEANGGOTAAN KOPERASI

Keanggotaan koperasi terbuka kepada mana-mana Pegawai Kerajaan yang bekerja di Pahang tanpa mengira tempat kelahiran mereka. Statistik terkini mencatatkan KOSMA dianggotai seramai 1,704 orang sehingga 2013.

Semasa penubuhannya, anggota dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak RM1.00 bagi yuran keanggotaan dan RM432.00 bagi memiliki satu unit ladang dalam koperasi KOSMA dengan tujuan pembayaran premium tanah kepada kerajaan negeri. Kedua-dua jenis pembayaran ini wajib dilakukan untuk menjadi anggota KOSMA. Jumlah bayaran ini ditetapkan sehingga tahun 2005. Pada tahun 2005, yuran keanggotaan telah dinaikkan kepada RM100, manakala



RM5000 diperlukan bagi memiliki satu unit ladang. Sebagai tambahan, pemohon perlu membayar RM1000 sebagai modal syer minimum. Maka, sejumlah RM6100 perlu dibayar oleh seorang pemohon untuk melayakkannya menjadi anggota.

KOSMA tidak mengamalkan caruman bulanan kepada anggota. Keuntungan akan dinikmati anggota melalui dividen tahunan, pembelian unit ladang (jika KOSMA mengisytiharkan keuntungan tahunan bagi satu unit ladang adalah RM4,000, maka anggota yang memiliki dua unit ladang akan mendapat keuntungan sebanyak RM8,000 – 2 x RM4,000) dan pembelian saham (minimum pembelian adalah 11,000 dan maksimum pembelian adalah 50,000 – anggota akan menikmati 30% keuntungan daripada bilangan pegangan saham masing-masing) .

Pelbagai kemudahan ditawarkan kepada anggotanya seperti Kad Anggota KOSMA, seperti anggota dapat menikmati 10% diskaun ke atas harga penginapan di Hotel Koperasi KOSMA. Selain itu, Khairat Kematian berjumlah RM1000 serta Hadiah Kecemerlangan Anak Anggota turut diberikan. Anggota juga akan menikmati pemberian sebanyak RM5000 seorang setiap kali tiba musim perayaan Aidilfitri.

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KOPERASI

KOSMA telah diterajui oleh sebelas orang Ahli Lembaga yang dibantu oleh sepuluh buah jawatankuasa kecil iaitu:

- a) Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan
- b) Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset
- c) Jawatankuasa Perladangan
- d) Jawatankuasa Pengembangan Perniagaan & Aset KOSMA
- e) Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan & Tatatertib
- f) Jawatankuasa Perhubungan Seranta dan Penerbitan
- g) Jawatankuasa Perundangan
- h) Jawatankuasa Hal Ehwal Anggota & Kebajikan
- i) Jawatankuasa Khas Ladang KOSMA 6 & KOSMA 9
- j) Jawatankuasa Pemegang Amanah Yayasan KOSMA



Barisan Anggota Lembaga KOSMA pada tahun 2010

AKTIVITI KOPERASI

Perladangan Kelapa Sawit

KOSMA bertuah kerana mempunyai sokongan dan bantuan yang kuat daripada kerajaan negeri. Kerajaan telah menggalakkan penglibatan koperasi dalam memperkasakan ekonomi luar bandar sebagai Sektor Ekonomi Ketiga, terutamanya koperasi seperti KOSMA yang turut menyumbang dalam peningkatan nilai pengeksporan minyak kelapa sawit negara yang mencecah kepada RM4.27 bilion pada tahun 2005, dorongan daripada peningkatan produktiviti ladang di samping peningkatan harga komoditi. Malah, sebahagian daripada tanah ladang adalah tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Pahang. Walaupun begitu, para anggota masih risau kerana status tanah adalah pajakan dan KOSMA masih berusaha untuk menjadikannya pegangan bebas sehingga kini.

Sektor perladangan kelapa sawit merupakan aktiviti utama perniagaan KOSMA. Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) dan Buah Tandan Basah (BTB) daripada pokok sawit dijadikan hasil pendapatan utama bagi aktiviti perladangan ini. Hasil BTB di ladang-ladang sememangnya berbeza dari tahun ke tahun bergantung kepada faktor ekonomi, cuaca,



buruh, kemudahan jalan dan pengangkutan. Pengeluaran hasil ladang dipengaruhi oleh *trend* turun naik pengeluaran setiap tahun. Hasil pengeluaran amat terjejas di musim tengkujuh memandangkan banyak jalan yang rosak, buah sukar dikeluarkan dan pekerja tidak dapat keluar menuai.

Sehingga 2011, keluasan kawasan yang matang bagi Ladang KOSMA adalah sebanyak 15,588.75 hektar yang dibahagikan menjadi sembilan blok ladang meliputi daerah Rompin, Mukim Keratong yang berada di dalam kawasan pembangunan Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECER). Ladang-ladang tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Keluasan kawasan yang matang bagi Ladang KOSMA sehingga 2013

BLOK	NAMA LADANG	KELUASAN HEKTAR
1	Ladang Gajah Jinak	2,762.79
2	Ladang Sungai Kepasing	2134.72
4	Ladang Bukit Serlai	1,968.14
7	Ladang KOSMA 7	1,694.42
6	Ladang KOSMA 6	2,333.35
8	Ladang KOSMA 8	2,527.00
9	Ladang KOSMA 9	2,168.33
Jumlah		15,588.75

Nota: Ladang KOSMA 6 seluas 2,333.0 hektar disewa pajak kepada Seri Cemerlang Plantation (Pahang) Sdn Bhd dan berakhir pada 31 Disember 2012

Pada masa kini, pihak pengurusan ladang KOSMA telah berusaha gigih meningkatkan hasil dengan menebang pokok-pokok kelapa sawit yang tua (lebih 30 tahun) dan menggantikannya *re-planting* kepada pokok-pokok baru dari klon terbaik. Tindakan sebegini baik untuk ladang-ladang KOSMA, kerana ladang tersebut masih dalam pemulihan. Situasi semasa menunjukkan ladang KOSMA terpaksa menunggu masa yang panjang (7 hingga 20 tahun) untuk menikmati hasil, memandangkan cara *re-planting* yang dilakukan oleh pihak korporat tidak mengikut standard penyelenggaraan ladang yang betul. Pemeriksaan serta pemantauan bagi pembajaan, kawalan rumpai, pemangkasan pelepah, penyelenggaraan jalan, pembetung dan lain-lain perlu dilakukan secara berterusan.



Sebuah syarikat usaha sama iaitu Wujud Wawasan Sdn. Bhd. telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2007 bagi menguruskan kilang sawit KOSMA di Blok 2 Ladang Koperasi. Pegangan ekuiti KOSMA di dalam syarikat usaha sama ini adalah sebanyak 49% sementara Kilang KOSFARM Sdn. Bhd. adalah sebanyak 51%. Operasi kilang ini tertumpu kepada pemprosesan (BTS) kelapa sawit.



Aktiviti pemungghahan kelapa sawit




Tanaman di Ladang KOSMA



Kilang memproses kelapa sawit



KOSMA Tourism Sdn. Bhd.



Hotel Milik KOSMA

KOSMA juga melabur dalam bidang perhotelan dengan membuka sebuah Hotel Kelas Bajet di No. 59, Jln Haji Abdul Aziz, 25000 Kuantan, Pahang. Pelaburan ini dilaksanakan melalui subsidiari penuh milik (100%) KOSMA iaitu KOSMA Tourism Sdn. Bhd. dengan modal yang dibenarkan sebanyak RM 5 juta. Subsidiari ini diberi tanggungjawab untuk menguruskan Hotel KOSMA yang terletak di tengah bandar Kuantan.

Hotel ini ditadbir oleh lima orang wakil ALK sebagai Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn. Bhd. Kesemua Lembaga Pengarah tidak mempunyai pengalaman berkaitan perhotelan dan hanya dilantik mengikut suara majoriti. Hotel ini juga diuruskan oleh lima orang kakitangan berkelulusan SPM dan bukanlah terdiri daripada mereka yang profesional. Kesemua kakitangan ini adalah kakitangan barisan hadapan yang dipertanggungjawabkan untuk melayan pelanggan di kaunter dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai sebarang latar belakang perhotelan dan hanya mengadaptasikan ilmu perhotelan secara praktikal dalam tugas harian.

Hotel ini menawarkan penginapan pada kadar RM50 hingga RM80 semalam untuk satu bilik. Terdapat 18 buah bilik untuk disewa oleh pelanggan yang terdiri daripada Bilik Orkid (dua katil besar) enam buah, Bilik Anggerik (satu katil besar & satu katil kecil) dua buah dan Bilik Melati (satu katil besar) sepuluh buah bilik. Bilik-bilik ini dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin, televisyen dengan langganan ASTRO dan berserta bilik air.

Kini, sebuah lagi cawangan hotel bajet yang diberi nama Hotel Butik sedang dalam proses pembukaan yang mana ia mengguna pakai pejabat KOSMA yang lama. Ini membuktikan bahawa KOSMA juga mampu untuk bersaing dalam bidang perhotelan sehingga wujudnya cawangan hotel bajet ini.



Jadual 2: Prestasi Keuntungan Kosma Tourism Sdn. Bhd sehingga 2011

Tahun	2011 (RM)
Keuntungan bagi tahun	65,557
Percukaian	(4,339)
Keuntungan selepas cukai	61,218

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

Sepanjang penglibatan KOSMA sebagai salah sebuah entiti perniagaan berkonsepkan pertanian, beberapa anugerah dan pencapaian telah diperoleh. KOSMA telah dianugerahkan “Felda Clone Best Nursery Award, Best Felda Clonal Planting Material Nursery Management” sebagai pengiktirafan dan penghargaan atas sokongan dan naungan selama 10 tahun ke atas Felda Yangambi Oil Palm Germinated Seeds. Anugerah ini diberikan kerana KOSMA telah menyediakan tapak semaian klon yang terbaik dalam kalangan penyertaan yang lain.

Selain itu juga, KOSMA telah terpilih untuk menerima “Anugerah Khas Koperasi Berkluster Besar” pada Hari Koperasi Negara (KHN) 2012 peringkat Pahang yang telah diadakan pada 24 Jun 2012 di Dewan Balora Mustika Bandar Tun Abd Razak, Jengka. Manakala 14 Julai 2012 pula bersempena dengan perasmian sambutan Hari Koperasi Negara, KOSMA telah disenaraikan tempat ke-7 dan indeks 100 koperasi terbaik negara. Ini mencatatkan pencapaian kedudukan yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

PERANCANGAN DAN PROSPEK MASA DEPAN KOSMA

Sehingga tahun 2011, saham unit ladang bagi anggota 45% bersamaan 5,685 unit manakala bagi koperasi pula 55% sebanyak 6,953 unit. Sebanyak 55% saham koperasi ini bergerak dalam bidang pengurusan dan pelaburan antaranya:

- Pentadbiran pejabat dan ladang setiap tahun
- Kemudahan infrastruktur seperti bangunan, jalan ladang, jambatan, rumah kakitangan, rumah pekerja, bayaran gaji, elaun dan bonus serta kemudahan sosial



Pihak KOSMA merancang untuk meningkatkan lagi kompleks Pejabat Operasi yang baru, perumahan pengurus, kakitangan dan pekerja, kompleks sukan, badminton, futsal dan “volley ball” dan juga jalan perladangan – “Probase”.

Selain itu, KOSMA juga dalam perancangan untuk terlibat dalam pelaburan hartanah, perhotelan, kedai di antaranya adalah:

- a) Membeli 2 ekar tanah bernilai RM7.45 juta termasuk “*Land Conversion*”
- b) Membeli 9 unit Kedai 3 tingkat di Kuantan Perdana dari Cempaka Properties Sdn Bhd (Berjaya Group) berharga RM8,685,000.00.
- c) KOSMA dalam proses pembukaan Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu yang memasuki fasa penyediaan program pelaksanaan dan menunggu kelulusan daripada pihak YAKEIM.
- d) KOSMA sedang menyediakan proses mendaftar penubuhan Yayasan KOSMA.
- e) Melaksanakan projek penanaman semula yang dirancang seluas 2,491.60 hektar pada tahun 2011 sehingga 2016.

KESIMPULAN

Sebagai sebuah koperasi yang bermula dengan aktiviti perladangan dan kini ia berkembang menjadi koperasi pelancongan, KOSMA memainkan peranan yang sangat baik bagi memastikan kelangsungan perniagaan koperasi. Atas kapasiti itu, maka faktor-faktor kejayaan yang membawa ke arah perkembangan gerakan koperasi ini perlu dikekalkan bagi memastikan prestasi KOSMA sentiasa cemerlang.

Apa yang boleh dilihat di sini adalah, perjalanan dan kisah kejayaan koperasi ini bertitik tolak dari faktor dalaman. Setiap ALK dan anggota perlu memainkan peranan penting dalam memastikan koperasi ini sentiasa menyumbang ke arah kepesatan ekonomi. Penglibatan semua orang adalah amat penting bagi melicinkan sesuatu organisasi tersebut.

Perancangan yang teliti juga perlu ada apabila ingin melaksanakan sesuatu perkara. Tanpa penelitian yang sempurna, maka segala aktiviti yang diusahakan akan menjadi sia-sia. Justeru, KOSMA mengambil langkah ini sebagai pendorong bagi memastikan setiap usaha yang dilaksanakan mendapat penelitian dan ianya adalah hasil dari perbincangan bersama.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika kejayaan demi kejayaan dicapai oleh KOSMA dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan. Faktor-faktor inilah yang menjadikan KOSMA sebaris dengan koperasi lain sehingga tersenarai di dalam 100 buah koperasi terbaik negara.



Kisah
KEJAYAAN KOPERASI
DI MALAYSIA

